Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Hilir Perak, Teluk Intan pada hari Selasa, 2 Jun 2020 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sungai Manik. No. Lot—8607. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 712. Bahagian Tanah—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1621/2013.

Bertarikh 28 Februari 2020
[PTHP. 9/1533]

ROGAYAH BINTI ZAINAL ABIDIN
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Hilir Perak*

No. 650.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, dalam Negeri Perak.

DI ANTARA

RHB BANK BERHAD

PEMEGANG
GADAIAN

DAN

SANTHANASAMY A/L
NAYAGAM SEBASTIAN

PENGGADAI

Kepada Santhanasamy a/l Nayagam Sebastian yang beralamat di 17 Laluan Desa Chemor 3, Taman Chemor Indah, 31200 Chemor, Perak.

Ambil perhatian bahawasanya tuan/puan sebagai pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 4 Jun 2020 (Khamis) jam 10.45 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, Perak. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan akan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—62795. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 2351. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 585/2001.

Bertarikh 13 Februari 2020
[PTK(I) 700/7/2020-14 (Siasatan 1)]

*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 651.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, dalam Negeri Perak.

DI ANTARA

BANK SIMPANAN NASIONAL

PEMEGANG
GADAIAN

DAN

M.KANTHIMATHI A/P T.SUBRAMANIAM

PENGGADAI

Kepada M.Kanthimathi a/p T.Subramaniam yang beralamat di 105 Laluan Sg. Pari 2, Buntong Satu, 30100 Ipoh, Perak.

Ambil perhatian bahawasanya tuan/puan sebagai pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 4 Jun 2020 (Khamis) jam 10.30 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, Perak. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan akan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—143541. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 32642. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2041/2014.

Bertarikh 13 Februari 2020
[PTK(I) 700/7/2020-13 (Siasatan 1)]

*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 652.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, dalam Negeri Perak.

DI ANTARA

RHB BANK BERHAD

PEMEGANG
GADAIAN

DAN

PARAMASIVAM A/L ALAGAPPEN DAN
PUANTHARAN A/L ALAGAPPEN

PENGGADAI-
PENGGADAI

Kepada Paramasivam a/l Alagappen dan Puantharan a/l Alagappen yang beralamat di 32 Kampung Tersusun, Jelapang Jaya, 30020 Ipoh, Perak.

Ambil perhatian bahawasanya tuan/puan sebagai pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 4 Jun 2020 (Khamis) jam 10.15 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, Perak. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan akan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. P.T.—101364. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1265/89. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1425/2002.

Bertarikh 13 Februari 2020
[PTK(I) 700/7/2020-12 (Siasatan 1)]

*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 653.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, dalam Negeri Perak.

DI ANTARA

BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA
BERHAD

PEMEGANG
GADAIAN

DAN

MOHAMAD NAZRI BIN ZAKARIAH

PENGGADAI

Kepada Mohamad Nazri bin Zakariah yang beralamat di 15 Laluan Meru Permai 7, Halaman Meru Permai, 30020 Ipoh, Perak.

Ambil perhatian bahawasanya tuan/puan sebagai pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 4 Jun 2020 (Khamis) jam 9.30 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, Perak. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan akan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—321807. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 21369. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 865/2006.

Bertarikh 21 Februari 2020
[PTK(I) 700/7/2019-32 (Siasatan 3)]

*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 654.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, dalam Negeri Perak.

DI ANTARA

BANK SIMPANAN NASIONAL

PEMEGANG
GADAIAN

DAN

PUNG KOTHAI A/P MUNUSAMY

PENGGADAI

Kepada Pung Kothai a/p Munusamy yang beralamat di 21 Jalan Nangka, Chemor Park, 31200 Chemor, Perak.

Ambil perhatian bahawasanya tuan/puan sebagai pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 4 Jun 2020 (Khamis) jam 11.30 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, Perak. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan akan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—182923. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 13097. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 174/2016.

Bertarikh 21 Februari 2020
[PTK.(I) 700/7/2020-17 (Siasatan 1)]

*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 655.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Zaliah binti Mokhtar, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada 22 April 2020 (Rabu) jam 11.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah, Daerah Manjung, Kompleks Pentadbiran Daerah, 32040 Seri Manjung;
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM185,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lapan Puluh Lima Ribu sahaja); dan
 - (c) Dalam Kawasan Simpanan Melayu.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah RM214,485.83. Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu sebanyak RM18,500.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Belas Ribu Lima Ratus sahaja). Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit dalam bentuk bank draf atas nama Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam;
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 20 Ogos 2020 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Beruas. No. Lot—12534 (P.T. 1396). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 4344 (H.S.(M) 2797). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 793/2015.

Bertarikh 31 Januari 2020
[PT.Mjg. 500/9/37-2019]

ZALIAH BINTI MOKHTAR
*Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Manjung*

No. 656.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Zaliah binti Mokhtar, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada 29 April 2020 (Rabu) jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah, Daerah Manjung, Kompleks Pentadbiran Daerah, 32040 Seri Manjung;
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM140,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Empat Puluh Ribu sahaja); dan
 - (c) Dalam Kawasan Simpanan Melayu.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah RM121,285.67. Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.
 3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu sebanyak RM14,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Belas Ribu sahaja). Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit dalam bentuk bank draf atas nama Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam;

- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 27 Ogos 2020 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Lekir. No. Lot—6348 (P.T. 5395). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1929 (H.S.(M) 2014). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 313/2006.

Bertarikh 31 Januari 2020
[PT.Mjg. 500/9/38-2019]

ZALIAH BINTI MOKHTAR
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Manjung

No. 657.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Muhamad Mahfuz bin Mohd Hatar, Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 30 April 2020 jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Ipoh;
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM608,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ratus Lapan Ribu sahaja); dan

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM396,300.17 (sehingga 29-3-2019) RHB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM60,800.00 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Ribu Lapan Ratus sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 28 Ogos 2020 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—320. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 18791. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1271/2009.

Bertarikh 13 Februari 2020
[PTK.(I) 700/7/2018-38 (Lelongan 1)]

*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta (Ipoh)*

No. 658.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Muhamad Mahfuz bin Mohd Hatar, Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 26 Mac 2020 jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Ipoh;
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM380,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Lapan Puluh Ribu sahaja); dan
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM374,140.49 (sehingga 9-5-2019) Hong Leong Islamic Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM38,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Lapan Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 25 Julai 2020 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—201275. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 10691. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2057/2009.

Bertarikh 19 Februari 2020
[PTK.(I) 700/7/2018-27 (Lelongan 2)]

*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta (Ipoh)*

No. 659.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Muhamad Mahfuz bin Mohd Hatar, Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 26 Mac 2020 jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Ipoh;
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM130,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Tiga Puluh Ribu sahaja); dan
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM36,160.80 (sehingga 9-5-2019) Hong Leong Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM13,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Belas Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 25 Julai 2020 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—401712 (P.T. 116524). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 31953 (H.S.(M) 7542). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 760/2003.

Bertarikh 19 Februari 2020
[PTK.(I) 700/7/2019-11 (Lelongan 2)]

*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta (Ipoh)*

No. 660.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Abdul Hadi bin Mohammad Suhaimi, Penolong Pentadbir Tanah Kerian, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan:

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257 dan 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Selasa, 16 April 2020 pada jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Kerian, 34200 Parit Buntar, Perak;
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM62,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Dua Ribu sahaja); dan
- (c) Luar Simpanan Melayu.
2. Bahawa saya dapati jumlah yang perlu dijelaskan kepada pemegang gadai pada tarikh 21-1-2020 ialah RM71,216.90—RHB Bank Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu sebanyak RM6,200.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ribu Dua Ratus sahaja). Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki menandatangani dalam bentuk bank draf atas nama RHB Bank Berhad;
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena di bayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 14 Ogos 2020, dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kurau. No. Lot—8977 (P.T. 1241). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 5706 (H.S.(M) 1054). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 413/2003. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 20 Februari 2020
[PTK.(FC) 369/19/21]

ABDUL HADI BIN MOHAMMAD SUHAIMI
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Kerian

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960
(Act 486)

No. 661.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] untuk tujuan cadangan memperelokkan selekoh di A125 Jalan Simpang Lima—Kampong Koh, Mukim Sitiawan, Daerah Manjung.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Land Acquisition under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [*Act 486*] for the purpose of Proposal of improving the road bend at A125 Jalan Simpang Lima—Kampong Koh, Mukim of Sitiawan, District of Manjung.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the district in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Manjung. Mukim/Mukim—Sitiawan.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
<i>Survey Lot No.</i>	<i>Title or Occupation</i>	<i>Registered Proprietor or Recorded Occupant</i>	<i>Area of Lot</i>	<i>Approximate Area to be Acquired</i>
	G.M.		Hektar/ Hectare	Hektar/ Hectare
10081	7123	Ngo Swee Ting 1/1 bhg./share	0.7436	0.0726

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
<i>Survey Lot No.</i>	<i>Title or Occupation</i>	<i>Registered Proprietor or Recorded Occupant</i>	<i>Area of Lot</i>	<i>Approximate Area to be Acquired</i>
	G.M.		Hektar/ Hectare	Hektar/ Hectare
10083	7124	Chia Chiew Hoon 1/1 bhg./share	0.4856	0.1459

Bertarikh 7 Februari 2020

Dated 7 February 2020
[PTG.Pk. 172/5-51 (C);
PT.Mjg. DP/2018-5]

DATO' RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
*Pengarah Negeri/
State Director*

No. 662.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 488*] untuk tujuan membina jalan baru dari Taman Seri Iskandar Perdana ke Bandar Universiti, di Bandar Seri Iskandar Daerah Perak Tengah.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Land Acquisition under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [*Act 486*] for the purpose of construct the new road from Taman Seri Iskandar Perdana to Bandar Universiti, at Bandar Seri Iskandar District of Perak Tengah.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the district in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Perak Tengah. Mukim/*Mukim*—Bandar Seri Iskandar.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
<i>Survey Lot No.</i>	<i>Title or Occupation</i>	<i>Registered Proprietor or Recorded Occupant</i>	<i>Area of Lot</i>	<i>Approximate Area to be Acquired</i>
	P.N.		Hektar/ <i>Hectares</i>	Hektar/ <i>Hectare</i>
123	210922	IDS Technology Sdn. Bhd.	8.104	0.210

Bertarikh 7 Februari 2020

Dated 7 February 2020
[PTG.Pk. 179/10-5 (C);
PTSI. 04/03-07-03/2018]DATO' RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
*Pengarah Negeri/
State Director***No. 663.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] untuk tujuan cadangan menaiktaraf Talian Penghantaran Elektrik 275KV dari Pencawang Masuk Utama Kampung Gajah ke Pencawang Masuk Utama Kuala Selangor East, Mukim Hutan Melintang, Daerah Bagan Datuk.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Land Acquisition under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [*Act 486*] for the purpose of upgrading the Electrical Line Transmission of 275KV from Transmission Main Intake of Kampung Gajah to the Transmission Main Intake of Kuala Selangor East at Mukim of Hutan Melintang, District of Bagan Datuk.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the district in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Bagan Datuk. Mukim/Mukim—Hutan Melintang.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
<i>Lot No.</i>	<i>Title or Occupation</i>	<i>Registered Proprietor or Recorded Occupant</i>	<i>Area of Lot</i>	<i>Approximate Area to be Acquired</i>
	P.N.		Hektar/ Hectares	Hektar/ Hectares
6867	40700	Syarikat Hilir Perak Enterprise Sendirian Berhad 1/1 bhg.	396.0949	8.4741
12222	—	TDK	121.400	2.2500
12223	258850	Koperasi Masjid Perak Berhad 1/1 bhg., No. Pers. 4763/2007 Gadaian Menjamin Wang Pokok oleh Koperasi Masjid Perak Berhad 1/1 bhg. kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan No. Pers. 929/2011 Gadaian Menjamin Wang Pokok oleh Koperasi Masjid Perak Berhad 1/1 bhg. kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	80.9	1.5026
12224	302527	Koperasi Sri Purnama Berhad 1/1 bhg., No. Pers. 18849/2007 Gadaian Menjamin Wang Pokok oleh Koperasi Sri Purnama Berhad 1/1 bhg. kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan No. Pers. 355/2002 Kemasukan Dalam Rezab Melayu	40.25	0.7506
12225	302086	Koperasi Sungai Manik Berhad 1/1 bhg. No. Pers. 18850/2007 Gadaian Menjamin Wang Pokok oleh Koperasi Sungai Manik Berhad 1/1 bhg. kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan No. Pers. 354/2002 Kemasukan Dalam Rezab Melayu	60.97	1.1279
12226	298331	Koperasi Peniaga & Penjaja Hilir Perak Berhad 1/1 bhg. No. Pers. 20840/2007 Gadaian Menjamin Wang Pokok oleh Koperasi Peniaga & Penjaja Hilir Perak Berhad 1/1 bhg. kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan No. Pers. 353/2002 Kemasukan Dalam Rezab Melayu	68.96	1.2761

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
<i>Lot No.</i>	<i>Title or Occupation</i>	<i>Registered Proprietor or Recorded Occupant</i>	<i>Area of Lot</i>	<i>Approximate Area to be Acquired</i>
	P.N.		Hektar/ Hectares	Hektar/ Hectares
12227	298374	Koperasi Serbaguna Bekas Perajurit Perak Berhad 1/1 bhg., No. Pers. 10580/2007 Gadaian Menjamin Wang Pokok oleh Koperasi Serbaguna Bekas Perajurit Perak Berhad 1/1 bhg. kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan No. Pers. 13846/2011 Gadaian Menjamin Wang Pokok Oleh Koperasi Serbaguna Bekas Perajurit Perak Berhad 1/1 bhg. Kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan No. Pers. 352/2002 Kemasukan dalam Rezab Melayu	68.62	1.2766
12228	256904	Persatuan Nelayan Negeri Perak 1/1 bhg., No. Pers. 351/2002 Kemasukan Dalam Rezab Melayu	80.93	1.1640
9107	313887	Barkath Burkill Plantation Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	405.5	0.0958
39349	426525	Southern Perak Plantations Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	2845.5	20.3709
	G.M.			
6823	3026	Kee Yoke Chuan (KP. 691231-10-5121) 1/4 bhg. dan Mohd Anuar bin Mohamed Bahari (KP. 810626-08-5531) 3/4 bhg.	1.622	0.5600
	H.S.(M)			
6829	1505	Sekaran a/l Muniandy (KP. 621108-08-5109) 1/1 bhg.	1.571	0.4867
	G.M.			
6828	1974	Patonah binti Haji Tahir 1/1 bhg.	1.5491	0.2586
4888	5007	Khairinah binti Supar (KP. 5614582) 1/6 bhg., Mohd Hafiz bin Hj. Marwi (KP. 780831-10-5621) 1/6 bhg., Mohd Sarpan bin Supar (KP. 4281343) 1/6 bhg., Samirah binti Hj. Hasan 2/6 bhg. dan Sarmin bin Suparman (KP. 2301328) 1/6 bhg.	2.4433	0.8908

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
<i>Lot No.</i>	<i>Title or Occupation</i>	<i>Registered Proprietor or Recorded Occupant</i>	<i>Area of Lot</i>	<i>Approximate Area to be Acquired</i>
	G.M.		Hektar/ Hectares	Hektar/ Hectares
4669	4864	Abdul Wahab bin Ismail (KP. 390824-08-5147) 1/7 bhg., Abdullah bin Ismail (KP. 451017-08-5219) 1/7 bhg., Ali bin Ismail (KP. 530923-08-5945) 1/7 bhg., Hapsah binti Ismail (KP. 471202-08-5884) 1/7 bhg., Othman bin Ismail (KP. 600820-10-6337) 1/7 bhg., Rukiah binti Ismail (KP. 570208-10-5982) 1/7 bhg. dan Zulkipli bin Ismail (KP. 510107-08-5455) 1/7 bhg.	1.0775	0.0002
4644	843	Ghanimah binti Suparman (KP. 2302962) 1/2 bhg. dan Saroji bin Suparman (KP. 2160279) 1/2 bhg.	0.8878	0.1041
4183	764	Abu Bakar bin Kamasudin (KP. A2837029) 15/128 bhg., Ahadun bin Kamasudin (KP. A0606744) 15/128 bhg., Jamiah binti Ahmad (KP. 2689814) 8/128 bhg., Muhamad bin Kumasudin (KP. 5480717) 15/128 bhg., Salihin bin Kumasudin (KP. 4909943) 15/128 bhg., Shabedah binti Kumasudin (KP. A1429639) 15/128 bhg., Siti Saleha binti Kamaruddin (KP. 4557771) 15/128 bhg., Siti Salmah binti Kamasudin (KP. A0187605) 15/128 bhg. dan Siti Saniah binti Kamasudin (KP. 6958163) 15/128 bhg.	0.8094	0.2779

Bertarikh 7 Februari 2020

Dated 7 February 2020
[PTG.Pk. 170/3-6 (C);
PTBD. 12/7/2018]

DATO' RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
*Pengarah Negeri/
State Director*

No. 664.NOTIS KEPADA TUANPUNYA BERSAMA MENGENAI PERMOHONAN PECAH
BAHAGIAN TANAH

[Subseksyen 141(A)]

1. Kepada pemilik nama-nama berikut:

1. Emy Hadida binti Md. Noor
2. Hassan bin Mohamed
3. Mohamad Daud bin Haji Mohamad Tahir
4. Naziran bin Mohd Yusoff
5. Suman bin Samad
6. Sharifah Rolan bin Syed Hitam
7. Siti Hamsiah binti Syed Hitam
8. Syed Abdullah Saufy bin Syed Hitam
9. Syed Ahmad Razali bin Syed Hitam
10. Syed Alwi bin Syed Itam Ismail
11. Syed Cholan bin Syed Hitam
12. Syed Ihsan bin Syed Itam Ismail
13. Syed Ikmal Hashim bin Syed Hitam Ismail
14. Syed Shamsuddin bin Syed Hitam

Yang beralamat di 74 Jalan Merak, Kg. Melayu, Batu 8, 31150 Ulu Kinta, Perak.

2. Diberitahu bahawa saya telah menerima satu permohonan pecah bahagian tanah yang dinyatakan dalam Jadual daripada Syed Cholan bin Syed Hitam beralamat 74 Jalan Merak, Kg. Melayu Batu 8, 31150 Ulu Kinta, Perak.

3. Jika tuan/puan ada apa-apa bantahan, ia hendaklah disampaikan secara bertulis dalam tempoh 28 hari dari tarikh penyampaian notis ini, dengan mengemukakan alasan-alasannya sekali.

JADUAL TANAH

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Tuanpunya bersama	Bahagian yang tidak Dipecahkan
		GRN		
Hulu Kinta	31325	22411	Emy Hadida binti Md Noor	2/8 bhg.

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Tuanpunya bersama	Bahagian yang tidak Dipecahkan
		GRN		
			Hassan bin Mohamed	1/8 bhg.
			Mohamad Daud bin Haji Mohamad Tahir	49/685 bhg.
			Naziran bin Mohd Yusoff	1/8 bhg.
			Suman bin Samad	13/2055 bhg.
			Sharifah Rolan bin Syed Hitam	347/7398 bhg.
			Siti Hamsiah binti Syed Hitam	347/7398 bhg.
			Syed Abdullah Saufy bin Syed Hitam	347/7398 bhg.
			Syed Ahmad Razali bin Syed Hitam	347/7398 bhg.
			Syed Alwi bin Syed Itam Ismail	347/7398 bhg.
			Syed Cholan bin Syed Hitam	347/7398 bhg.
			Syed Ihsan bin Syed Itam Ismail	347/7398 bhg.
			Syed Ikmal Hashim bin Syed Hitam Ismail	347/7398 bhg.
			Syed Shamsuddin bin Syed Hitam	347/7398 bhg.

Bertarikh 23 Januari 2020

MUHAMAD MAHFUZ BIN MOHD HATAR
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
 Kinta*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
 KUALA LUMPUR
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA